



Soalan 1 hingga soalan 10

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

kesihatan	kualiti	penurunan	khusus	doktor
kolektif	nafas	cengkih	penyelidikan	belajar

- 1 Ibadah terbahagi kepada dua iaitu ibadah seperti solat fardu dan ibadah umum seperti bekerja.
- 2 Fardu kifayah bermaksud kewajipan secara atas sesuatu amalan yang dituntut oleh syarak ke atas semua umat Islam. Apabila sebahagian daripada mereka melaksanakannya, maka sebahagian yang lain terlepas daripada kewajipan tersebut.
- 3 Contoh ibadah fardu kifayah ialah melakukan solat jenazah dan bekerja sebagai
- 4 Kita dapat memberi sumbangan kepada umat Islam melalui ibadah umum seperti melakukan
- 5 Penyelidikan dalam bidang perubatan dapat menemukan bahawa tumbuhan herba dan rempah ratus mampu memberi manfaat kepada manusia.
- 6 Contoh tumbuhan herba dan rempah ratus yang digunakan secara meluas oleh masyarakat di Malaysia ialah kunyit, kulit kayu manis dan bunga
- 7 Rempah ratus ini dipercayai dapat membantu berat badan, mengelakkan berbau dan mengurangkan paras gula dalam darah.
- 8 Hasil penemuan ini dapat menyumbang ke arah meningkatkan lagi hidup masyarakat.
- 9 Justeru itu, kita hendaklah dengan bersungguh-sungguh untuk menguasai segala ilmu dan kemahiran agar dapat memberi manfaat kepada masyarakat sejagat.